

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK



200701032867 (790895-D)

Tarikh: 12/09/2025

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberi maklumat penting tentang insurans berkaitan pelaburan anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI/ PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1 Apakah A-Life Wealth Builder?

A-Life Wealth Builder adalah kombinasi perlindungan insurans dan pelaburan. Jika anda meninggal dunia atau hilang upaya secara menyeluruh dan kekal sepanjang tempoh polisi, ia akan membayar manfaat kematian/hilang upaya secara menyeluruh dan kekal (TPD), yang mana lebih tinggi, atau dan nilai unit pelaburan, pada masa tuntutan.

Nota: Sila rujuk kepada Penerangan Pelan Asas dalam Lampiran untuk maklumat lanjut.

2 Ketahui Perlindungan / Manfaat-manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM4,476.00** tahunan, anda akan menerima **perlindungan** insurans berikut:

Manfaat Kematian	RM500,000 atau Nilai Akaun dalam Akaun Perlindungan serta Akaun Simpanan, yang mana lebih tinggi.
Manfaat Hilang Upaya Secara Menyeluruh dan Kekal (TPD) Perlindungan adalah sehingga umur 70 tahun.	RM500,000 atau Nilai Akaun dalam Akaun Perlindungan serta Akaun Simpanan, yang mana lebih tinggi.
Manfaat Kematian Kemalangan Perlindungan adalah sehingga umur 70 tahun.	RM1,000,000 atau Nilai Akaun dalam Akaun Perlindungan serta Akaun Simpanan, yang mana lebih tinggi.
Manfaat Kematian Kemalangan dalam Pengangkutan Awam Perlindungan adalah sehingga umur 70 tahun.	RM1,500,000 atau Nilai Akaun dalam Akaun Perlindungan serta Akaun Simpanan, yang mana lebih tinggi.
Kematian Kemalangan akibat Bencana Alam Perlindungan adalah sehingga umur 70 tahun.	RM3,000,000 atau Nilai Akaun dalam Akaun Perlindungan serta Akaun Simpanan, yang mana lebih tinggi.
Ganjaran Wealth	RM25,000.00 pada umur 65 dan setiap 10 tahun kemudiannya.
Pendorong Wealth	5.00% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas
Manfaat Kematangan	Apabila matang pada umur 70 tahun, 100% daripada Nilai Akaun dalam Akaun Perlindungan serta Akaun Simpanan akan dibayar.
Pendorong Wealth Vitality (hanya dikenakan jika Insured adalah ahli AIA Vitality)	Jumlah peratusan yang anda peroleh setiap tahun berdasarkan Status AIA Vitality anda, digandakan dengan 20% daripada Jumlah Diinsuranskan daripada pelan asas. Manfaat ini perlu dibayar apabila polisi matang atau tamat akibat kematian, TPD atau penyakit kritikal, yang mana lebih awal.
Perlindungan Tambahan	Anda boleh memilih untuk meningkatkan perlindungan anda dengan menambah rider tambahan (jika berkenaan). Sila rujuk PDS yang berkaitan untuk maklumat lanjut mengenai rider/rider-rider yang dipilih.

Nota: Hanya salah satu daripada Manfaat Kematian, Manfaat Kematian Kemalangan, Manfaat Kematian Kemalangan dalam Pengangkutan Awam atau Kematian Kemalangan akibat Bencana Alam akan dibayar.

A-Life Wealth Builder **tidak termasuk** :

- Bunuh Diri** – Jika kematian berlaku akibat bunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian, kami akan memulangkan Nilai Akaun berdasarkan tarikh kematian tanpa faedah bersama dengan jumlah premium yang tidak diperuntukan dan caj-caj polisi yang telah ditolak daripada Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian. Selepas itu, polisi ini akan ditamatkan.
- Penyakit sedia ada**, termasuk sebarang kecacatan fizikal atau mental, dan penyakit sedia ada untuk penyakit kritikal, sebelum tarikh penyertaan atau tarikh mula, yang mana kemudian, yang tidak dilindungi.
- TPD atau kematian akibat kemalangan disebabkan pendedahan kepada bahaya atau tindakan mencederakan diri sendiri sama ada dalam keadaan waras atau tidak waras.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan pertolongan mengenai insurans berkaitan pelaburan anda, anda boleh:



Hubungi kami di:

1300-88-1899 (Care Line)
03-2056 1111 (Tel.)



Lawat kami di:

<https://www.aia.com.my/bm/our-products/wealth-protection/wealth-legacy-planning/a-life-wealth-builder.html>



Emel kami di:

my.pdsenquiry@aia.com

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk insurans berkaitan pelaburan anda, anda mesti membayar premium sebanyak:																								
Premium	RM4,476.00 tahunan Jumlah premium yang perlu anda bayar dan tempoh polisi mungkin berbeza-beza bergantung pada keperluan pengunderaitan AIA Bhd.																							
Tempoh: 20 tahun																								
Syarikat insurans memperuntukkan sebahagian daripada premium untuk membeli unit dalam dana / dana-dana pelaburan pilihan anda.																								
Premium diperuntukkan untuk membeli unit	Sila rujuk Ilustrasi Jualan untuk maklumat lanjut.																							
Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:																								
Komisen	8.00% daripada jumlah premium yang perlu dibayar atau RM7,161.60																							
Kos Insurans (COI)	COI ditolak setiap bulan daripada Nilai Akaun dan ia secara amnya meningkat apabila umur Insured meningkat.																							
Caj Perkhidmatan Bulanan	RM 8.00 setiap bulan adalah untuk menampung kos pentadbiran bagi menyelenggarakan polisi anda.																							
Caj Pengurusan Dana	Sila rujuk kepada Lembaran Fakta Dana masing-masing untuk maklumat lanjut.																							
Caj Pengeluaran Separa	Pengeluaran daripada Nilai Akaun dalam tempoh 2 tahun polisi pertama adalah seperti berikut: <table><tr><th>Tahun Polisi</th><th colspan="4">% daripada Amaun Pengeluaran</th></tr><tr><th>Tempoh Pembayaran Premium</th><th>5 Tahun</th><th>10 Tahun</th><th>20 Tahun</th><th>Tempoh Perlindungan Penuh</th></tr><tr><td>1</td><td>5%</td><td>10%</td><td>20%</td><td>20%</td></tr><tr><td>2</td><td>Nil</td><td>5%</td><td>10%</td><td>10%</td></tr></table>				Tahun Polisi	% daripada Amaun Pengeluaran				Tempoh Pembayaran Premium	5 Tahun	10 Tahun	20 Tahun	Tempoh Perlindungan Penuh	1	5%	10%	20%	20%	2	Nil	5%	10%	10%
Tahun Polisi	% daripada Amaun Pengeluaran																							
Tempoh Pembayaran Premium	5 Tahun	10 Tahun	20 Tahun	Tempoh Perlindungan Penuh																				
1	5%	10%	20%	20%																				
2	Nil	5%	10%	10%																				
Nota: Caj Pengeluaran Separa tidak dikenakan ke atas Nilai Akaun daripada A-Plus Saver atau Premium Tokok.																								
Caj Serahan	Menyerahkan polisi dalam tempoh 2 tahun pertama adalah seperti berikut: <table><tr><th>Tahun Polisi</th><th colspan="4">% daripada Nilai Akaun</th></tr><tr><th>Tempoh Pembayaran Premium</th><th>5 Tahun</th><th>10 Tahun</th><th>20 Tahun</th><th>Tempoh Perlindungan Penuh</th></tr><tr><td>1</td><td>5%</td><td>10%</td><td>20%</td><td>20%</td></tr><tr><td>2</td><td>Nil</td><td>5%</td><td>10%</td><td>10%</td></tr></table>				Tahun Polisi	% daripada Nilai Akaun				Tempoh Pembayaran Premium	5 Tahun	10 Tahun	20 Tahun	Tempoh Perlindungan Penuh	1	5%	10%	20%	20%	2	Nil	5%	10%	10%
Tahun Polisi	% daripada Nilai Akaun																							
Tempoh Pembayaran Premium	5 Tahun	10 Tahun	20 Tahun	Tempoh Perlindungan Penuh																				
1	5%	10%	20%	20%																				
2	Nil	5%	10%	10%																				
Nota: Caj Serahan tidak dikenakan ke atas nilai akaun daripada A-Plus Saver atau Premium Tokok.																								

4 Terma-terma Utama Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko untuk tuntutan anda ditolak atau polisi ditamatkan / dibatalkan. - Semua perlindungan / manfaat boleh berbeza bergantung kepada keputusan akhir penilaian penaja jaminan AIA Bhd. terhadap umur, pekerjaan dan/atau keadaan kesihatan pada masa permohonan. - Nilai akaun produk ini bergantung kepada prestasi dana / dana-dana berkaitan pelaburan yang dilaburkan. - Kadar COI, yuran-yuran serta caj-caj lain bagi produk ini adalah tidak dijamin dan mungkin berbeza dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis 3 bulan kepada Pemilik. Anda dikehendaki untuk membayar premium tokok jika kadar COI, yuran-yuran serta caj-caj lain meningkat. - Perlindungan Dijamin Lima Tahun akan dibatalkan jika cuti premium dilaksanakan. Walau bagaimanapun, apabila Perlindungan Dijamin Lima Tahun dibatalkan atas sebarang sebab, polisi anda mungkin luput apabila nilai akaun anda tidak mencukupi untuk membayar COI, yuran-yuran dan caj-caj. - Anda diberi tempoh ihsan 31 hari dari tarikh akhir pembayaran bagi setiap premium berikutnya. Jika premium kekal tidak dibayar pada akhir tempoh ihsan, polisi anda mungkin luput apabila nilai akaun anda tidak mencukupi untuk membayar COI, yuran-yuran dan caj-caj. - Selepas tempoh ihsan 31 hari, anda diberi tempoh pembayaran lewat selama 14 hari. Jika premium masih belum dibayar pada penghujung tempoh tangguh ini, polisi anda mungkin luput apabila nilai akaun polisi anda tidak mencukupi untuk membayar COI, yuran dan caj. - Pelan Asas ini disertakan dengan Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan. Sila rujuk Lampiran untuk maklumat lanjut. INI ADALAH PRODUK INSURANS YANG DIKAITKAN DENGAN PRESTASI ASET-ASET PENDASAR, DAN BUKANNYA PRODUK PELABURAN TULEN SEPerti UNIT AMANAH.	Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk terma-terma yang sepenuhnya.
--	--

? Bolehkan saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd.

- Tempoh Percubaan:** Anda mempunyai hak untuk membatalkan polisi anda dengan memberi AIA Bhd. notis bertulis. Notis tersebut mesti diterima secara langsung oleh AIA Bhd. dalam tempoh 15 hari selepas kontrak e-polisi anda disediakan di portal pelanggan AIA. Premium yang tidak diperuntukkan, Nilai Akaun (jika ada) dan caj-caj polisi lain yang telah dikenakan untuk polisi ini akan dibayar balik kepada anda. Jika dalam permohonan anda, anda memilih untuk menerima salinan kontrak polisi anda, notis tersebut mesti dibuat dalam masa 15 hari selepas anda menerima kontrak polisi anda.
- Selepas Tempoh Percubaan:** Anda boleh menyerahkan polisi anda dengan memberi AIA Bhd. notis bertulis. Nilai penyerahan (jika ada) merujuk kepada sebarang Nilai Akaun, yang tidak dijamin. Caj penyerahan mungkin akan dikenakan apabila permintaan penyerahan dibuat. Sila rujuk kepada Ilustrasi Jualan untuk maklumat lanjut. Sila pertimbangkan dengan teliti kerana anda mungkin mengalami kerugian jika anda menyerahkan polisi. Selepas itu, polisi akan ditamatkan.



LAMPIRAN

PENERANGAN PELAN ASAS:

A-Life Wealth Builder menawarkan manfaat seperti berikut:

Manfaat Kematian

- Sekiranya Insured berlaku kematian, perkara berikut perlu dibayar:
 - (a) Jumlah Diinsuranskan Pelan Asas; atau
 - (b) Nilai Akaun dalam Akaun Perlindungan serta Akaun Simpanan (jika ada).
- Perlindungan bagi Manfaat Kematian adalah sehingga umur 70.
- Lien Juvenil boleh dikenakan sekiranya berlaku kematian ke atas Insured sebelum mencapai umur 4 tahun.

A-Plus Disability Care (APDC)

- APDC memberi perlindungan Hilang Upaya Secara Menyeluruh dan Kekal (TPD).
- Bagi TPD Insured berlaku sebelum umur 70 tahun, amaun yang dibayar adalah lebih tinggi daripada:
 - (a) Jumlah Diinsuranskan TPD; dan
 - (b) Nilai Akaun dalam Akaun Perlindungan dan Akaun Simpanan (jika ada).
- Jika Nilai Akaun di dalam Akaun Perlindungan dan Akaun Simpanan boleh dibayar, bayaran sekaligus hendaklah dibayar.
- Jika Jumlah Diinsuranskan bagi TPD boleh dibayar, syarat-syarat berikut akan dikenakan:
 - (a) Sekiranya berlaku TPD, di mana hilang upaya tersebut menepati "Pekerjaan yang Bersesuaian" seperti dinyatakan dalam kontrak, bayaran pendahuluan sebanyak 10% daripada Jumlah Diinsuranskan APDC akan dibuat pada Ulang Tahun Polisi pertama dan kedua sejurus selepas tarikh permulaan TPD, diikuti dengan baki 80% daripada jumlah yang diinsuranskan APDC pada Ulang Tahun Polisi ketiga sebaik selepas tarikh permulaan TPD.
 - (b) Sekiranya berlaku TPD, di mana hilang upaya tersebut menepati "Kehilangan Upaya Juvenile", "Kehilangan Upaya Presumptif" atau "Sebarang Pekerjaan" seperti yang dinyatakan dalam kontrak, bayaran sekali gus bagi Jumlah Diinsuranskan APDC akan dibuat.
 - (c) Jumlah Diinsuranskan pelan asas akan dikurangkan dengan bayaran pendahuluan yang dibuat di bawah APDC.
 - (d) Lien Juvenil boleh dikenakan sekiranya berlaku kematian ke atas Insured sebelum mencapai umur 4 tahun.

Manfaat Kematian Kemalangan

- Sekiranya Insured berlaku kematian akibat kemalangan, perkara berikut perlu dibayar:
 - (a) 200% daripada Jumlah Diinsuranskan daripada Pelan Asas, atau
 - (b) Nilai Akaun dalam Akaun Perlindungan dan Akaun Simpanan.
- Lien Juvenil boleh dikenakan sekiranya berlaku kematian kemalangan ke atas Insured sebelum mencapai umur 4 tahun.

Manfaat Kematian Kemalangan dalam Pengangkutan Awam

- Sekiranya Insured berlaku kematian akibat kemalangan dalam pengangkutan awam, perkara berikut perlu dibayar:
 - (a) 300% daripada Jumlah Diinsuranskan daripada Pelan Asas, atau
 - (b) Nilai Akaun dalam Akaun Perlindungan dan Akaun Simpanan.
- Lien Juvenil boleh dikenakan sekiranya berlaku kematian kemalangan ke atas Insured sebelum mencapai umur 4 tahun.

Kematian Kemalangan akibat Bencana Alam

- Sekiranya Insured berlaku kematian akibat bencana alam, perkara berikut perlu dibayar:
 - (a) 600% daripada Jumlah Diinsuranskan daripada Pelan Asas, atau
 - (b) Nilai Akaun dalam Akaun Perlindungan dan Akaun Simpanan.
- Lien Juvenil boleh dikenakan sekiranya berlaku kematian kemalangan ke atas Insured sebelum mencapai umur 4 tahun.

Ganjaran Wealth

- Ganjaran Wealth akan dikreditkan sekali gus ke dalam Akaun Simpanan pada tamat ulang tahun polisi apabila Insured mencapai umur 65 tahun dan setiap 10 tahun kemudiannya sehingga kematangan berdasarkan tempoh polisi dan Jumlah Diinsuranskan, seperti berikut:

% daripada Jumlah Diinsuranskan	Jumlah Diinsuranskan	
	Di bawah RM500,000	RM500,000 dan ke atas
Tempoh Polisi		
19 tahun dan ke bawah	1%	2%
20 – 34 tahun	2%	4%
35 tahun dan ke atas	2.5%	5%

- Ganjaran Wealth di atas akan dibayar dengan syarat:
 - (a) Tiada pengeluaran dibuat daripada Akaun Perlindungan dan Akaun Simpanan, kecuali pengeluaran daripada peristiwa Sambutan Peringkat Hayat (sila rujuk Lampiran untuk maklumat lanjut);
 - (b) Premium-premium dibayar sehingga kini; dan
 - (c) Polisi masih berkuatkuasa.
- Jumlah Diinsuranskan yang digunakan hendaklah sama dengan Jumlah Diinsuranskan awal atau Jumlah Diinsuranskan semasa, yang mana lebih rendah. Ini termasuk sebarang pengurangan Jumlah Diinsuranskan akibat, termasuk tetapi tidak terhad kepada tuntutan dan permintaan untuk mengurangkan Jumlah Diinsuranskan.

Pendorong Wealth

- Apabila matang pada umur 70, Pendorong Wealth akan dibayar, berdasarkan tempoh polisi dan Jumlah Diinsuranskan, seperti berikut:

% daripada Jumlah Diinsuranskan	Jumlah Diinsuranskan	
	Di bawah RM500,000	RM500,000 dan ke atas
19 tahun dan ke bawah	1%	2%
20 – 34 tahun	2%	4%
35 tahun dan ke atas	2.5%	5%

- Pendorong Wealth yang dibayar di atas akan dua kali ganda dengan syarat:
 - (a) Tiada pengeluaran dibuat daripada Akaun Perlindungan dan Akaun Simpanan, kecuali pengeluaran daripada peristiwa Sambutan Peringkat Hayat; dan
 - (b) Premium-premium dibayar sehingga kini.
- Jika umur tamat tempoh 100 dipilih, Pendorong Wealth juga akan dibayar apabila kematian selepas umur 80 tahun.
- Jumlah Diinsuranskan yang digunakan hendaklah sama dengan Jumlah Diinsuranskan asal atau Jumlah Diinsuranskan semasa, yang mana lebih rendah. Ini termasuk sebarang pengurangan Jumlah Diinsuranskan akibat, termasuk tetapi tidak terhad kepada tuntutan dan permintaan untuk mengurangkan Jumlah Diinsuranskan.

Manfaat Kematangan

- Apabila matang pada umur 70, 100% daripada Nilai Akaun dalam Akaun Perlindungan serta Akaun Simpanan akan dibayar.

Pendorong Wealth Vitality (hanya dikenakan jika Insured adalah ahli AIA Vitality)

- AIA Vitality adalah sebuah program yang ditawarkan oleh AIA Health Services Sdn. Bhd. (Nombor Syarikat 199601016211 (388561-T)) yang memberi sokongan dan ganjaran kepada ahlinya untuk membuat pilihan yang lebih sihat setiap hari.
- Apabila anda mendaftar untuk menjadi ahli AIA Vitality semasa anda membeli pelan A-Life Wealth Builder, anda akan layak untuk satu manfaat tambahan yang dikenali sebagai Pendorong Vitality Wealth.
- Anda akan diganjar dengan peratusan asal 20% Peratusan Pendorong Vitality Wealth. Peratusan Pendorong Vitality Wealth akan berubah berdasarkan Status AIA Vitality pada setiap Ulang Tahun Pendorong Vitality Wealth.
- Peratusan Pendorong Vitality Wealth akan dikunci pada umur Insured lima puluh lima (55) atau pada Ulang Tahun Pendorong Vitality Wealth kedua puluh (20) dari Tarikh Mula, yang mana kemudian.
- Pendorong Vitality Wealth memberikan anda lebih banyak nilai dan ditentukan dengan menggandakan yang mana lebih tinggi daripada Peratusan Pendorong Vitality Wealth semasa atau Peratusan Locked-in Pendorong Vitality Wealth 20% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas, tertakluk maksimum 20% daripada Jumlah Diinsuranskan pelan asas. Ianya boleh dibayar apabila polisi matang atau tamat akibat kematian, TPD atau penyakit kritikal yang mana lebih awal.
- Kuantum pelarasan dalam Peratusan (%) Pendorong Vitality Wealth adalah bergantung kepada status AIA Vitality Insured pada empat puluh lima (45) hari sebelum Ulang Tahun Pendorong Vitality Wealth seperti jadual di bawah:

Status AIA Vitality	Platinum	Emas	Perak	Gangsa
Perubahan dalam Peratusan Pendorong Vitality Wealth	+1% (Peratusan Pendorong Vitality Wealth meningkat sebanyak 1% daripada tahun lalu)	0% (Tiada perubahan dalam Peratusan Pendorong Vitality Wealth daripada tahun lalu)	-2% (Peratusan Pendorong Vitality Wealth menurun sebanyak 2% daripada tahun lalu)	-4% (Peratusan Pendorong Vitality Wealth menurun sebanyak 4% daripada tahun lalu)

Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan

- Apabila mencapai umur 70 dan polisi ini masih berkuatkuasa, pelan asas dan sebarang rider yang dilampirkan (kecuali A-Plus Waiver, A-Plus Spouse Waiver dan A-Plus Parent Waiver, jika ada) akan terus berkuatkuasa selepas Tarikh Kematangan dengan Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan SEKIRANYA terdapat Nilai Akaun yang mencukupi untuk menolak COI serta yuran dan caj lain bagi pelan asas dan sebarang rider yang dilampirkan, sehingga umur 100 tahun Insured bagi pelan asas dan umur maksimum perlindungan mana-mana rider-rider yang dilampirkan. Polisi ini akan luput apabila Nilai Akaun telah habis digunakan.
- Peringatan tentang ciri ini akan dihantar kepada anda 90 hari sebelum Tarikh Kematangan polisi. Tempoh Sambungan Perlindungan Secara Automatik akan berkuat kuasa jika anda tidak memaklumkan AIA Bhd. untuk menarik diri daripada ciri ini. Anda boleh memaklumkan AIA Bhd. terlebih dahulu untuk menarik balik Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan sebelum mencapai umur 70. Sila ambil perhatian bahawa jika anda memilih untuk menarik balik Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan, pelan asas dan semua rider yang boleh dilampirkan termasuk (jika berkenaan) akan tamat tempoh pada umur 70. Permohonan untuk Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan tidak dibenarkan selepas anda menarik balik Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan.
- Semasa Tempoh Sambungan Automatik untuk Tempoh Perlindungan, perlindungan yang disediakan oleh pelan asas dan sebarang rider yang dilampirkan akan tetap sama. Untuk kemamparan polisi yang berterusan, Premium A-Plus Saver atau Premium Tokok boleh digunakan untuk memastikan terdapat Nilai Akaun yang mencukupi untuk menolak bagi COI serta yuran dan caj lain.
- Anda boleh merujuk kepada penyata kewangan tahunan untuk amaun tokok yang disyorkan, yang dikemaskini setiap tahun, untuk meningkatkan kemampuan polisi sehingga tempoh perlindungan sambungan. Anda juga boleh mempertimbangkan menambahkan premium anda dari masa ke masa untuk meningkatkan kemamparan dari polisi anda.

Sambutan Peringkat Hayat

- Mula dari Tahun Polisi 5 dan seterusnya, anda boleh membuat pengeluaran sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada Nilai Akaun anda pada bila-bila masa bagi peristiwa Sambutan Peringkat Hayat yang berlaku selepas Polisi ini berkuat kuasa.
- Setiap peristiwa berikut hanya dibenarkan sekali, kecuali bagi "Pencapaian peribadi" yang terhad sebanyak 2 kali. Pada setiap Tahun Polisi hanya dibenarkan sekali (1) pengeluaran bagi peristiwa Sambutan Peringkat dan baki jumlah Nilai Akaun selepas pengeluaran adalah sekurang-kurangnya bernilai minimum RM10,000. Kami akan meminta penyerahan bukti Sambutan Peringkat Hayat, kecuali peristiwa "Pencapaian-pencapaian peribadi" yang tidak memerlukan bukti untuk pengeluaran.
 - (i) Menerima ijazah daripada pengajian tinggi
 - (ii) Berkahwin
 - (iii) Mendapat seorang anak baharu (termasuk pengambilan anak angkat yang sah)
 - (iv) Anak berkahwin
 - (v) Membeli rumah
 - (vi) Membeli kereta
 - (vii) Memulakan syarikat sendiri
 - (viii) Persaraan selepas umur 60
 - (ix) Pencapaian-pencapaian peribadi
- Sebarang pengeluaran daripada Sambutan Peringkat Hayat ini tidak akan mengurangkan Jumlah Diinsuranskan Asas anda, Ganjaran Wealth dan Pendorong Wealth berganda pada kematangan. Namun, nilai akaun ini akan ditolak oleh sebarang pengeluaran dibuat daripada Sambutan Peringkat Hayat.

Peruntukkan Perlindungan Terjamin Lima (5) Tahun

- Polisi ini akan terus berkuat kuasa dalam tempoh 5 tahun polisi pertama walaupun nilai akaun tidak mencukupi untuk membayar caj-caj polisi dan kos insurans (COI) sebarang rider yang dilampirkan, sekiranya semua syarat-syarat berikut dipenuhi:
 - Semua premium tetap dan A-Plus Saver (jika ada) telah dibayar pada tarikh genap tempoh atau semasa tempoh ihsan atau tempoh bayaran lewat;
 - Semua premium tetap baru dan premium A-Plus Saver (jika ada) baru yang disebabkan kenaikan COI telah dibayar pada tarikh genap tempoh atau semasa tempoh ihsan atau tempoh bayaran lewat;
 - Cuti premium tidak pernah dilaksanakan; dan
 - Tiada perubahan dibuat kepada Polisi yang mengakibatkan kenaikan COI atau apa-apa pengurangan Nilai Akaun yang sedia ada atau yang akan datang.

LAIN - LAIN

- (i) Pengeluaran Separa – Pengeluaran Separa dibenarkan dan boleh dikenakan Caj Pengeluaran Separa yang berkenaan dalam 2 tahun polisi pertama. Pengeluaran ini boleh mengurangkan Jumlah Diinsuranskan dan akan dibatalkan Perlindungan Dijamin Lima (5) Tahun.
Rujuk Lembaran Pendedahan Produk – Bahagian 3: Ketahui Tanggungjawab Anda untuk maklumat mengenai Pengeuaran Separa.
- (ii) Serahan – Anda boleh menyerahkan polisi, tertakluk kepada Caj Serahan dalam tempoh 2 tahun pertama. Setelah serahan, segala Nilai Akaun akan dibayar. Polisi tersebut kemudian akan ditamatkan.
Rujuk Lembaran Pendedahan Produk – Bahagian 3: Ketahui Tanggungjawab Anda untuk maklumat mengenai Caj Serahan.
- (iii) Pertukaran Dana – Jika anda mendapati bahawa dana / dana-dana pelaburan yang anda telah pilih tidak lagi sesuai, anda mempunyai fleksibiliti untuk menukar dana / dana-dana pada bila-bila masa. Pertukaran dana kini adalah percuma. AIA Bhd. berhak mengenakan / mengubah yuran dengan memberikan notis bertulis 3 bulan kepada Pemilik.
- (iv) Premium Tokok - Selepas polisi dikuat kuasa, anda mempunyai fleksibiliti untuk menambah Nilai Akaun anda dengan membayar premium tokok. Sebarang premium tokok yang telah dibayar akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan dan digunakan untuk membeli unit-unit dalam dana / dana-dana pelaburan pilihan anda, berdasarkan kadar peruntukan 95%.
- (v) Jika keperluan kewangan anda berubah dari semasa ke semasa, anda mempunyai fleksibiliti untuk menyesuaikan perlindungan dan/atau premium anda supaya lebih sesuai dengan keperluan anda. Untuk bantuan, sila hubungi AIA Bhd.
- (vi) Penamaan - Anda digalakkan untuk melantik penama bagi permohonan insurans anda untuk memastikan penyelesaian tuntutan yang lancar. Sila pastikan penama anda mengetahui polisi yang telah anda beli.
- (vii) Tuntutan – Sila rujuk laman web AIA Bhd. mengenai prosedur tuntutan.

Nota Penting: Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat.

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,
Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberi maklumat penting tentang insurans berkaitan pelaburan anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

200701032867 (790895-D)

Tarikh: 12/09/2025

PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI/ PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1 Apakah A-Plus Waiver?

A-Plus Waiver adalah unit penolakan rider yang mana AIA Bhd. meneruskan pembayaran Pelan Asas premium ke atas pemilik sehingga tamat tempoh bayaran pelan asas premium, jika Insured didiagnosis dengan salah satu daripada 44 penyakit kritikal yang dilindungi atau menjalani pembedahan dilindungi sebelum tamat tempoh rider ini.

Perlindungan peruntukkan bagi rider ini adalah sehingga tamat tempoh pembayaran premium pelan asas.

Sila rujuk kepada Lampiran untuk penyakit kritikal yang dilindungi di bawah rider ini.

2 Ketahui Perlindungan / Manfaat-manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, anda akan menerima perlindungan insurans berikut:	
Manfaat Kematiaan	Tidak berkenaan
Manfaat Hilang Upaya Secara Menyeluruh dan Kekal (TPD)	Tidak berkenaan
Penyakit Kritikal	RM4,476.00 setahun
A-Plus Waiver tidak termasuk :	
- Keadaan sedia ada sebelum Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian; atau - Penyakit kritikal atau pembedahan yang dilindungi disebabkan oleh tindakan mencederakan diri sendiri.	
Nota: Senarai ini tidak menyeluruh . Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya.	

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan pertolongan mengenai insurans berkaitan pelaburan anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1300-88-1899 (Care Line)
03-2056 1111 (Tel.)



Lawat kami di:
<https://www.aia.com.my/bm/help-support/contact-us.html>



Emel kami di:
my.pdsenquiry@aia.com

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk insurans berkaitan pelaburan anda, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium	Ini adalah unit penolakan rider. Kos rider ini termasuk dalam premium pelan asas
Tempoh: Sehingga tamat tempoh bayaran premium pelan asas	
Syarikat insurans akan memperuntukkan sebahagian daripada premium untuk membeli unit dalam dana / dana-dana pelaburan pilihan anda.	
Premium yang diperuntukkan untuk membeli unit	Sila rujuk kepada Ilustrasi Jualan untuk maklumat lanjut.
Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:	
Komisen	Ini adalah unit penolakan rider. Kos rider ini termasuk dalam premium pelan asas
Kos Insurans (COI)	COI ditolak setiap bulan daripada Nilai Akaun dan ia secara amnya meningkat apabila umur Insured meningkat.

4 Terma-terma Utama Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko untuk tuntutan anda ditolak atau polisi ditamatkan / dibatalkan.
 - Kadar COI, yuran-yuran serta caj-caj lain bagi produk ini adalah tidak dijamin dan mungkin berbeza dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis 3 bulan kepada Pemilik. Anda dikehendaki untuk membayar premium tokok jika kadar COI, yuran-yuran serta caj-caj lain meningkat.
 - Tempoh menunggu selama 30 hari dan 60 hari daripada Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian, akan digunakan bergantung kepada jenis penyakit kritikal.
- Nota:** Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk terma-terma yang sepenuhnya.



Bolehkan saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd.

- **Tempoh Percubaan:** Anda mempunyai hak untuk membatalkan rider anda dengan memberi AIA Bhd. notis bertulis. Notis tersebut mesti diterima secara langsung oleh AIA Bhd. dalam tempoh 15 hari selepas kontrak e-polisi anda disediakan di portal pelanggan AIA. Premium yang tidak diperuntukan, Nilai Akaun (jika ada) dan caj-caj polisi lain yang telah dikenakan untuk rider ini akan dibayar balik kepada anda. Jika dalam permohonan anda, anda memilih untuk menerima salinan kontrak polisi anda, notis tersebut mesti dibuat dalam masa 15 hari selepas anda menerima kontrak polisi anda.
- **Selepas Tempoh Percubaan:** Anda boleh menyerahkan rider anda dengan memberi AIA Bhd. notis bertulis. Rider ini tidak ada sebarang caj penyerahan setelah ditamatkan. Rider ini akan ditamatkan selepas tarikh ulang tahun bulanan.



LAMPIRAN

SENARAI PENYAKIT KRITIKAL:

Senarai penyakit kritikal yang dilindungi adalah seperti berikut:

1) Strok / Angin Ahmar	23) Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk
2) Kanser	24) Penyakit Neuron Motor
3) Serangan Jantung	25) Penyakit Parkinson
4) Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	26) Penyakit Terminal (Membawa Maut)
5) Penyakit Arteri Koronari Serius	27) Ensefalitis
6) Pembedahan Injap Jantung	28) Tumor Otak Benign
7) Hepatitis Viral Fulminan	29) Trauma Kepala Major (Teruk)
8) Kegagalan Hati Tahap Akhir	30) Meningitis Bakteria
9) Hipertensi Arteri Pulmonari Primer	31) Pembedahan Otak
10) Penyakit Paru-paru Tahap Akhir	32) Penyakit Sistik Medular
11) Kegagalan Buah Pinggang	33) Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
12) Pembedahan Aorta	34) Jangkitan HIV melalui Transfusi Darah
13) Anemia Aplastik Kronik	35) Kardiomiopati
14) Transplan Organ Utama/ Sumsum Tulang	36) AIDS dengan Gejala Penuh
15) Buta - Kekal dan Tidak Boleh Pulih	37) Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) Dijangkiti melalui Pekerjaan
16) Pekak - Kekal dan Tidak Boleh Pulih	38) Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
17) Hilang Keupayaan Bertutur	39) Sindrom Apallic
18) Koma	40) Pankreatitis Kambuh Kronik
19) Kelecuran Tahap Ketiga	41) Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila)
20) Sklerosis Multipel	42) Elephantiasis
21) Kelumpuhan Anggota	43) Poliomiellitis
22) Distrofi Otot	44) Scleroderma Progresif

Nota Penting: Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk maklumat berkaitan penyakit kritikal yang dilindungi.

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,
Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberi maklumat penting tentang insurans berkaitan pelaburan anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

200701032867 (790895-D)

Tarikh: 12/09/2025

PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI/ PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1 Apakah A-Plus Spouse Waiver Extra?

A-Plus Spouse Waiver Extra adalah unit penolakan rider yang meneruskan pembayaran premium sehingga tamat tempoh pembayaran premium, apabila kematian pasangan Insured, mengalami TPD (sebelum umur 70 tahun) atau didiagnosis dengan salah satu daripada 44 penyakit kritikal yang dilindungi atau menjalani pembedahan dilindungi sebelum tamat tempoh rider ini.

Perlindungan bagi rider ini adalah sehingga tamat tempoh pembayaran premium polisi asas atau pasangan Insured mencapai umur 100 tahun, yang mana lebih awal.

Sila rujuk kepada Lampiran untuk penyakit kritikal yang dilindungi di bawah rider ini.

2 Ketahui Perlindungan / Manfaat-manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, anda akan menerima perlindungan insurans berikut:	
Manfaat Kematiaan	RM4,476.00 setahun
Manfaat Hilang Upaya Secara Menyeluruh dan Kekal (TPD)	RM4,476.00 setahun
Penyakit Kritikal	RM4,476.00 setahun
A-Plus Spouse Waiver Extra tidak termasuk :	
- kematian berlaku akibat bunuh diri dalam tempoh satu (1) tahun daripada Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian; atau - sebarang kecacatan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, yang mana pendedahan kepada bahaya secara sengaja atau cubaan pemusnahan diri atau kecederaan diri semasa waras ataupun tidak waras; atau - sebarang penyakit sedia ada untuk penyakit kritikal, sebelum Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian; atau - sebarang penyakit kritikal atau pembedahan yang dilindungi punca daripada cubaan pemusnahan diri.	
Nota: Senarai ini tidak menyeluruh . Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya.	

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan pertolongan mengenai insurans berkaitan pelaburan anda, anda boleh:



Hubungi kami di:

1300-88-1899 (Care Line)
03-2056 1111 (Tel.)



Lawat kami di:

<https://www.aia.com.my/bm/help-support/contact-us.html>



Emel kami di:

my.pdsenquiry@aia.com

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk insurans berkaitan pelaburan anda, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium	Ini adalah unit penolakan rider. Kos rider ini termasuk dalam premium pelan asas
Tempoh: Sehingga tamat tempoh bayaran premium pelan asas	
Syarikat insurans akan memperuntukan sebahagian daripada premium untuk membeli unit dalam dana / dana-dana pelaburan pilihan anda.	
Premium yang diperuntukkan untuk membeli unit	Sila rujuk kepada Ilustrasi Jualan untuk maklumat lanjut.
Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:	
Komisen	Ini adalah unit penolakan rider. Kos rider ini termasuk dalam premium pelan asas
Kos Insurans (COI)	COI ditolak setiap bulan daripada Nilai Akaun dan ia secara amnya meningkat apabila umur Insured meningkat.

- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko untuk tuntutan anda ditolak atau polisi ditamatkan / dibatalkan.
- Kadar COI, yuran-yuran serta caj-caj lain bagi produk ini adalah tidak dijamin dan mungkin berbeza dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis 3 bulan kepada Pemilik. Anda dikehendaki untuk membayar premium tokok jika kadar COI, yuran-yuran serta caj-caj lain meningkat.
- Tempoh menunggu selama 30 hari dan 60 hari daripada Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian, akan digunakan bergantung kepada jenis penyakit kritikal.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk terma-terma yang sepenuhnya.

Bolehkan saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd.

- **Tempoh Percubaan:** Anda mempunyai hak untuk membatalkan rider anda dengan memberi AIA Bhd. notis bertulis. Notis tersebut mesti diterima secara langsung oleh AIA Bhd. dalam tempoh 15 hari selepas kontrak e-polisi anda disediakan di portal pelanggan AIA. Premium yang tidak diperuntukan, Nilai Akaun (jika ada) dan caj-caj polisi lain yang telah dikenakan untuk rider ini akan dibayar balik kepada anda. Jika dalam permohonan anda, anda memilih untuk menerima salinan kontrak polisi anda, notis tersebut mesti dibuat dalam masa 15 hari selepas anda menerima kontrak polisi anda.
- **Selepas Tempoh Percubaan:** Anda boleh menyerahkan rider anda dengan memberi AIA Bhd. notis bertulis. Rider ini tidak ada sebarang caj penyerahan setelah ditamatkan. Rider ini akan ditamatkan selepas tarikh ulang tahun bulanan.



LAMPIRAN

SENARAI PENYAKIT KRITIKAL:

Senarai penyakit kritikal yang dilindungi adalah seperti berikut:

1) Strok / Angin Ahmar	23) Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk
2) Kanser	24) Penyakit Neuron Motor
3) Serangan Jantung	25) Penyakit Parkinson
4) Pembedahan Pintas Arteri Koronari	26) Penyakit Terminal (Membawa Maut)
5) Penyakit Arteri Koronari Serius	27) Ensefalitis
6) Pembedahan Injap Jantung	28) Tumor Otak Benign
7) Hepatitis Viral Fulminan	29) Trauma Kepala Major (Teruk)
8) Kegagalan Hati Tahap Akhir	30) Meningitis Bakteria
9) Hipertensi Arteri Pulmonari Primer	31) Pembedahan Otak
10) Penyakit Paru-paru Tahap Akhir	32) Penyakit Sistik Medular
11) Kegagalan Buah Pinggang	33) Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
12) Pembedahan Aorta	34) Jangkitan HIV melalui Transfusi Darah
13) Anemia Aplastik Kronik	35) Kardiomiopati
14) Transplan Organ Utama/ Sumsum Tulang	36) AIDS dengan Gejala Penuh
15) Buta - Kekal dan Tidak Boleh Pulih	37) Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) Dijangkiti melalui Pekerjaan
16) Pekak - Kekal dan Tidak Boleh Pulih	38) Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
17) Hilang Keupayaan Bertutur	39) Sindrom Apallic
18) Koma	40) Pankreatitis Kambuh Kronik
19) Kelecuman Tahap Ketiga	41) Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila)
20) Sklerosis Multipel	42) Elephantiasis
21) Kelumpuhan Anggota	43) Poliomyelitis
22) Distrofi Otot	44) Scleroderma Progresif

Nota Penting: Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk maklumat berkaitan penyakit kritikal yang dilindungi.